

**Geng Macau
Scam sewa
kediaman elit
elak dicekup**

PETALING JAYA: Polis mengesan sebanyak 12 buah pusat panggilan 'Macau Scam' menjadikan kediaman 'berpagar dan berpagawal' di kawasan perumahan elit sebagai markas untuk menjalankan aktiviti penipuan mereka.

Hasil pembongkaran sejak 2018 itu juga, sebanyak 138 tangkapan terdiri 99 lelaki dan 39 wanita warga tempatan berjaya diberkas kerana bertindak sebagai operator panggilan.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Timbalan Pengarah (Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos berkata, pusat panggilan haram itu dikesan aktif melakukan penipuan seperti Macau Scam, penipuan pelaburan, kegiatan pemberi pinjam wang tanpa lesen (along), penipuan menjual atau beli barang atau perkhidmatan dalam talian.

Kata beliau, mangsa-mangsa yang disasarkan sindiket itu melibatkan rakyat asing yang tinggal di negara luar.

"Kebiasaannya, bagi satu pusat panggilan akan ditempatkan antara empat sehingga lima ahli sindiket untuk menghubungi mangsa-mangsa mereka.

"Selain itu, polis tidak menolak kemungkinan mereka juga akan menempatkan jumlah sama di beberapa lokasi lain bagi mengelak dikesan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata Victor, antara taktik lain yang digunakan oleh sindiket bagi mengaburi pihak berkuasa mahupun pemilik premis adalah dengan mengatakan pusat panggilan haram ini kononnya bagi menjalankan perniagaan secara dalam talian.

"Justeru, kepada mana-mana pemilik kediaman supaya menyelidik dahulu latar belakang penyewa masing-masing sebelum menyewakan unit rumah mereka kerana dikhuatiri dijadikan lokasi melakukan aktiviti



Kebiasaannya, bagi satu pusat panggilan akan ditempatkan antara empat sehingga lima ahli sindiket untuk menghubungi mangsa-mangsa mereka."

VICTOR SANJOS

jenayah.

"Begitu juga dengan jiran-jiran setempat, jika ternampak di sebelah rumah terdapat sekumpulan individu yang mencurigakan, silalah salur maklumat kepada polis untuk kami ambil tindakan," jelasnya.

Dalam pada itu, ujar Victor, risikan berterusan sentiasa dilaksanakan dengan melakukan serbuan, tangkapan, rampasan dan pertuduhan bagi melumpuhkan pusat panggilan haram.

"Tindakan pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah juga dilaksanakan ke atas ahli-ahli sindiket bagi tujuan menyekat atau mengekang penglibatan mereka seterusnya dalam aktiviti ini.

"Selain itu, tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram juga akan diambil kepada ahli sindiket sekiranya terdapat bukti atau keterangan yang menunjukkan harta diperolehi mereka dari kegiatan yang menyalahi undang-undang ini," jelasnya.

Utusan Malaysia semalam melaporkan kira-kira 41,986 individu telah ditahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2018 sehingga Mei lalu kerana terlibat dalam sindiket penipuan dalam talian melibatkan kerugian mangsa RM2.3 billion.